

28/11/1997

Mengukuh semula semangat patriotik demi kemajuan

Khairul Anwar Rahmat

SEMANGAT nasionalisme yang kita semarakkan semula ketika ini adalah lanjutan daripada yang pernah dilaung-laungkan oleh pejuang terdulu untuk membela nasib bangsa, mempertahankan hak dan meninggikan darjat mereka di tengah-tengah simpang-siur persaingan dan pergelutan yang mencabar. Inilah semangat kebangsaan yang tetap menghormati prinsip keadilan, kemanusiaan dan kesejagatan.

Gagasan kita tidak pernah lari daripada analisis Ibnu Khaldun dalam al-Muqaddimah kerana semangat kebangsaan tidak digunakan dalam konteks yang sempit tetapi untuk membangunkan tamadun bangsa.

Semangat kebangsaan kita adalah untuk menyatupadukan masyarakat, menuju matlamat yang lebih murni dengan kaedah dan prinsip yang dianjurkan oleh Islam ke arah pembinaan peradaban dan ketinggian tamadun.

Semangat seperti ini amat perlu untuk dicetuskan dalam sesebuah negara terutamanya dalam menghadapi sebarang ancaman dari luar. Ini termasuk isu desakan sekumpulan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletakkan jawatan berhubung kenyataannya terhadap Yahudi dan Amerika Syarikat berhubung kegawatan mata wang.

Usul yang dicadangkan oleh Robert Wexler (Demokrat-Florida) dan mendapat sokongan 34 anggota Kongres itu bagaimanapun belum dibentang atau dibincangkan dalam Dewan Perwakilan Amerika, tetapi hanya diedarkan di kalangan anggota.

Seperti yang ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tindakan mereka dianggap sebagai tidak munasabah, tidak tepat dan tidak demokratik kerana hanya rakyat Malaysia yang berhak menentukan pimpinan mereka melalui proses pilihan raya.

Soalnya sekarang apakah peranan kita sebagai rakyat Malaysia di saat negara kita diserang dengan pelbagai ancaman dari pihak luar? Apakah kita sanggup berdiam diri berpeluk tubuh membiarkan pimpinan negara menyelesaikannya?

Nah! Tibalah masanya kita suarakan semangat cintakan negara kita. Semangat ini harus dipupuk melalui perasaan cintakan bangsa dan kesucian agama, seterusnya menyayangi tanah air sendiri secara mendalam.

Tiupan semangat patriotik yang berkobar-kobar ketika ini menimbulkan perasaan sanggup berkorban dan berjuang demi menjamin kestabilan, keutuhan, maruah dan kedaulatan negara.

Harus diingat juga, bahawa semangat ini jangan hanya dilihat dari sudut perkauman yang sempit, jumud dan statik sifatnya.

Ia juga tidak harus dilihat sebagai satu tindakan melampau yang berlebih-lebihan sehingga menimbulkan ketaksuban sesama bangsa, dengan hanya mementingkan dan mengagungkan kemuliaan bangsa sendiri tanpa menghormati pegangan dan pendirian hidup orang lain.

Kita semua harus sedar bahawa semangat kebangsaan ini harus dicetuskan untuk mencapai kebebasan hakiki baik dari sudut ekonomi, politik dan budaya dari sebarang kuasa asing.

Semangat yang ingin kita cetuskan ialah semangat yang mampu menerbitkan semangat jihad dan daya juang yang tinggi dalam mempertahankan maruah bangsanya daripada diperlekeh dan diinjak-injak oleh orang lain, lebih-lebih lagi orang asing.

Apa yang kita harapkan, rakyat Malaysia seluruhnya menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi untuk negara kita, kesediaan untuk berkorban, kerelaan untuk menyumbang bakti kepada nusa dan bangsa.

Semua ini penting untuk menjamin kesinambungan perjuangan bangsa dan agamanya agar tetap terpelihara dan utuh di masa-masa akan datang.

Dalam sejarah perjuangan, Islam tidak pernah menghalang masyarakatnya hidup berkelompok dan bermasyarakat dan seterusnya menumpahkan kecintaan dan kesetiaan terhadap bangsa dan tanah air sendiri.

Tambahan pula, sudah menjadi kewajiban ke atas setiap umat Islam untuk mempertahankan kedaulatan negara dan kesucian agama daripada sebarang ancaman musuh.

Hal ini dijelaskan Allah dalam firmannya, "Sesungguhnya aku ciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan aku jadikan kamu berpuak-puak dan bersuku-suku, supaya kamu saling mengenali, kasih mengasihi antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang dimuliakan Allah di antara kamu ialah mereka yang bertakwa."

Di atas cetusan inilah, Islam menganjurkan konsep hubbul watan iaitu semangat mencintai negara dan mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsanya daripada sebarang bentuk penjajahan. Hal ini menjadi kewajiban dan tuntutan terhadap setiap individu muslim dan menjadi sebahagian dari sumber keamanan bagi seseorang.

Dalam hubungan ini, marilah kita sama-sama menyingkap lembaran sejarah perjuangan kebangsaan yang ditonjolkan oleh datuk nenek moyang kita dulu.

Seperti sedia maklum, Tanah Melayu berada di bawah penguasaan Inggeris pada abad ke-19. Campurtangan Inggeris secara langsung di bumi Malaysia melalui perjanjian Pangkor 1874 mengakibatkan kehilangan kuasa memerintah raja-raja Melayu.

Hak kebebasan rakyat diperkotak-katikkan sewenang-wenangnya.

Namun, berbekalkan semangat nasionalisme dan kata-kata hikmat 'Tak Melayu Hilang di Dunia' lahirilah pahlawan terbilang tanah air yang sanggup berkorban bermati-matian untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Dengan diperkukuhkan lagi dengan penghayatan agama Islam yang tulen, perwira seperti Tok Janggut, Mat Kilau, Datuk Maharaja Lela, Mat Salleh, Dol Said dan ramai lagi bangkit memimpin menyelamatkan maruah negara, mempertahankan kedaulatan agama, nusa dan bangsa daripada dijajah orang asing.

Kita masih belum terlupa peristiwa yang mana kemuncak penentangan orang Melayu terhadap penjajah melalui pembentukan Malayan Union yang begitu jelas mencabar kedaulatan dan keutuhan orang Melayu; dengan menjadikan Tanah Melayu sebuah jajahan mutlak British, menarik kuasa raja-raja Melayu dan sistem kerakyatan yang longgar.

Kemuncak penentangan ini memperlihatkan kelahiran secara rasmi Umno.

Penubuhan Umno pada 11 Mei 1946 di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar membawa kepada pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Perjuangan ini harus diteruskan. Jangan biarkan ia mati dan hanyut dalam kealpaan kita. Sesungguhnya mengekalkan kemerdekaan daripada dijajah semula adalah tanggungjawab kita bersama.

Generasi terdulu sudah menjalankan tanggungjawab mereka. Kini tiba giliran kita untuk mengisi kemerdekaan dan seterusnya mempertahankannya walaupun hingga ke titisan darah yang terakhir.

Hakikatnya, semangat kebangsaan dan cintakan tanah air berlaku di mana-mana. Dalam lembaran sejarah dunia, semangat kebangsaan sering memainkan peranan utama demi untuk mempertahankan nasib dan maruah sesebuah negara.

Di Indonesia misalnya, rakyat bersatu hati dan tenaga menentang penjajahan Belanda yang melakukan penindasan ekonomi melalui pelbagai sistem ciptaan mereka iaitu 'Sistem Kultur', 'Sistem Liberal', 'Dasar Etika' yang membawa penderitaan dan kesengsaraan rakyat Indonesia segenapnya.

Di atas kesedaran inilah, lahir betapa pertubuhan menentang penjajah

seperti Budi Utomo, pimpinan Dr Wahidin Sudiro Usodo, Sarekat Islam di bawah pimpinan Omar Said Tjokroaminoto di samping beberapa pertubuhan lain. Matlamat dan objektif mereka tetap sama.

Menyemai rasa kecintaan dan bangga kepada agama dan negara di samping mewujudkan perpaduan di kalangan umat Islam dalam mempertahankan kedudukan ekonomi mereka daripada ancaman asing.

Seterusnya, lahirlah Parti Nasional Indonesia di bawah pimpinan pemimpin karismatik Indonesia, yang berjaya menggabungkan kesedaran menentang penjajah ke seluruh rakyat Indonesia.

Seantero nusantara pernah digegarkan dengan slogan 'Berbangsa Satu: Bangsa Indonesia, Bertanahair Satu, Tanahair Indonesia, Berbahasa Satu, Bahasa Indonesia' yang akhirnya membawa kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945.

Perjuangan mereka adalah berbekalkan semangat nasionalisme dan semangat perjuangan yang kukuh.

Hal yang sama turut berlaku di Filipina. Gerakan menentang Sepanyol dengan membantah dasar 'kerah polo', 'cukai tributo' dan 'jual paksa' bandala melalui gerakan yang dinamakan Gerakan Propaganda melalui media penulisan yang dipelopori pejuang-pejuang tulen Filipina yang berbakat besar seperti Jose Rizal, Marcclo del Pilar, Graciano, Lopez Jaena dan mereka yang seangkatan dengannya.

Mereka melakukan pendedahan berani mengenai penderitaan rakyat Filipina di merata dunia seperti di Madrid, Belgium, Paris dan London sewaktu masih menuntut di sana.

Semangat seperti inilah yang dikatakan oleh Hans Kohn, dalam artikelnya bertajuk Nationalism: Its Meaning and History, sebagai cetusan semangat nasionalisme.

Ia adalah satu cetusan akal yang memperlihatkan kesetiaan utama individu kepada negara.

Kesetiaan inilah yang akan terus menyuburkan hasrat dan sentimen untuk menggerakkan suatu daya kesedaran anggota masyarakatnya untuk turut sama menyumbang bakti dan jasa melalui pelbagai aktiviti yang teratur dengan meletakkan matlamat akhirnya menegakkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Kesetiaan ini akan memupuk peribadi mulia yang sejati untuk mencapai kebebasan dan kedaulatan dengan wujudnya tekanan-tekanan sosial, ekonomi, politik dan pengaruh asing seperti penegasan serupa yang pernah dianjurkan oleh Ellie Kedourie suatu ketika dulu.

Oleh itu, usaha memperbaharui, memperbaiki dan mempertahankan semangat nasionalisme adalah amat perlu dalam meneruskan kesinambungan perjuangan dengan berasaskan paradigma yang jelas serta komited dalam kebangkitan arus semangat kebangsaan.

Setiap detik dan langkah rakyat Malaysia adalah hasil gabungan semangat pejuang silam, dicetus dan digilap semula pada zaman muasir ini yang menserasikan pembabitan dan iltizam semua pihak, agamawan, negarawan dan juga rakyat jelata.

Kesedaran ini tercetus dan akan terus marak untuk mendepani cabaran alaf baru yang sudah semestinya lebih mencabar.

Bagaimanapun, analisis dan penilaian semula terhadap semangat nasionalisme perlu digarap dalam bentuk baru agar ia benar-benar konkrit, sesuai dan praktikal dengan waqi nuansa setempat.

Kita harus membentuk identiti bangsa kita dengan acuan tempatan yang berasaskan asas kekuatan aqidah tauhidiah dan watak Islami yang sudah lama mengakar dan mengumbi dalam minda masyarakat Melayu.

Kita mesti menyemarakkan semula semangat kebangsaan yang sihat. Kita mesti menjadikan nasionalisme yang instinktif kepada nasionalisme yang sedar; nasionalisme yang statik kepada nasionalisme yang dinamis.

Ertinya, jikapun kita tidak mengamal sepenuhnya semangat nasionalisme silam, kita berusaha menerapkan semula semangat itu dalam tindakan kita kini dan masa depan.

Urusan ini harus diperkukuh dengan tindakan berani umat dan dalam kontek Malaysia, rakyat mesti menegakkan semangat patriotik demi kemajuan negara.

Jika dulu semangat nasionalisme itu mungkin bersifat menegak tetapi kini ia harus dibentuk dan baja secara limpahan kesamarataan.

Pendek kata, yang diperlukan ialah perubahan daripada nasionalisme yang negatif kepada nasionalisme yang positif - satu nasionalisme yang membina, mendirikan, menggariskan dan menekankan syarat-syarat hidup pada zaman yang mencabar dan menyeimbangkan pembinaan rohaniah dan jasmaniah.

(END)